

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**HUBUNGAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL
PENSYARAH DENGAN TAHAP MOTIVASI PELAJAR: KAJIAN
DI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI,
PSMZA**

RELATIONSHIP BETWEEN LECTURER'S INTERPERSONAL COMMUNICATION SKILLS AND STUDENT MOTIVATION LEVEL: A STUDY IN THE DEPARTMENT OF INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY, PSMZA

Siti Nasrah Mukhtar^{1*}, Nor Syahadataini Awang²

¹ Department Of Information Technology & Communication, PSMZA, Malaysia

Email: nasrah@psmza.edu.my

² Department Of Information Technology & Communication, PSMZA, Malaysia

Email: syahada@psmza.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 17.03.2021

Published date: 31.03.2021

To cite this document:

Mukhtar, S. N., & Awang, N. S. (2021). Hubungan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar: Kajian Di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, PSMZA. International Journal of Law, Government and Communication, 6 (22), 227-237.

Abstrak:

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan dan tahap motivasi pelajar. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Satu set soal selidik yang mengandungi 30 item soalan dibina dan diambil daripada kajian yang terdahulu, telah digunakan untuk mengukur perhubungan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk tinjauan yang melibatkan 100 orang pelajar sesi Jun 2020 di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Kajian yang akan dilakukan ini adalah kajian deskriptif secara kuantitatif di mana soal selidik digunakan bagi memproses data yang diterima untuk menghasilkan rumusan. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.91. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer melalui program Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows version 16.0 untuk memperolehi statistik deskriptif seperti skor min. Keputusan kajian mendapat terdapat perhubungan yang signifikan di antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar.

DOI: 10.35631/IJLGC.6220022.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Kata Kunci:

Kemahiran; Komunikasi; Interpersonal; Motivasi; Lisan; Bukan Lisan

Abstract:

This study was conducted to examine the relationship between the lecturer's verbal and non-verbal interpersonal communication skills and students' motivation level. The research instrument used in this study was a questionnaire. A set of questionnaires containing 30 question items constructed and drawn from previous studies, was used to measure the relationship. This study uses a quantitative approach in the form of a survey involving 100 students of the June 2020 session at the Department of Information and Communication Technology (JTMK), Sultan Mizan Zainal Abidin Polytechnic (PSMZA). This study is a quantitative descriptive in which a questionnaire is used to process the data received to produce a conclusion. The value of Cronbach's Alpha coefficient for this study was 0.91. Data were analyzed using computer software through the Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows version 16.0 to obtain descriptive statistics such as mean scores. The results of the study found that there was a significant relationship between the non-verbal interpersonal communication skills of lecturers and the level of student motivation. The findings also show that there is no significant relationship between the level of the lecturer's verbal interpersonal communication skills and the level of student motivation.

Keywords:

Skills; Communication; Interpersonal; Motivation; Verbal; Non-verbal

Pendahuluan

Pengajaran merupakan aktiviti yang dirancang bagi meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan keupayaan ataupun mengubah sikap seseorang agar dapat meningkatkan lagi penguasaan dalam sesuatu bidang. Namun begitu tidak semua sesi pembelajaran itu berkesan kepada semua pelajar yang terlibat. Tetapi sekiranya pembelajaran itu dapat menambahkan penguasaan pelajar, maka pembelajaran itu di anggap berkesan kepada pelajar.

Pengajar perlu bersedia dan bersikap aktif sebagai penyampai dengan berkongsi pengalaman dalam penyampaian dan pelajar sebagai penerima. Pelajar juga perlu bersikap aktif semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung. Sekiranya mereka kurang aktif, pengajar perlu menyalurkan kaedah atau idea kepada mereka serta memupuk rasa suasana yang baik dan suka kepada pembelajaran.

Satu perhubungan telah dikenal pasti di antara pembelajaran, motivasi dan kesediaan pengajaran di mana apabila guru atau pengajar yang mengaplikasikan pendekatan pengajaran sama ada secara lisan atau bukan lisan terhadap pelajar, pembelajaran akan berlaku dan meningkat. Ini dapat diperhatikan di mana di samping pengajar menyebarkan atau mencurahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar, terdapat tumpuan atau perhatian yang diberikan mengenai perhubungan di antara pelajar dan pengajar.

Pernyataan Masalah

Pengajaran yang berkesan seharusnya dapat membantu melahirkan pelajar dan seterusnya tenaga kerja yang berkualiti. Ianya bukan sahaja tertumpu kepada masa depan pelajar dan negara, ia juga dapat di aplikasikan dalam kehidupan sehari-hari serta boleh memberi sumbangan kepada sosiologi masyarakat setempat. Untuk mendapat pengajaran yang berkesan biasanya berkait rapat dengan kemahiran yang perlu ada pada pensyarah sebagai contoh kemahiran komunikasi interpersonal.

Maimunah (2000) menyatakan bahawa pada amnya komunikasi dan perhubungan interpersonal mempunyai objektif mengurangkan sikap saling tidak mengenali dan tidak mempercayai antara satu sama lain. Dengan komunikasi yang baik, dapat merapatkan jurang perhubungan antara pensyarah dan pelajar sekaligus memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung.

Menurut Jay (1999) pula, komunikasi yang baik dapat mendatangkan kebaikan atau faedah kepada sesiapa yang terlibat seperti pihak organisasi, pengurus, jabatan atau kumpulan dan kakitangan pekerja. Jadi komunikasi yang berkesan antara pensyarah dan pelajar amat penting untuk memastikan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berjalan dengan lancar disamping mampu untuk menarik minat pelajar untuk memberi tumpuan di dalam bilik kuliah.

Menurut Janasz (2002), komunikasi interpersonal mempunyai 2 jenis iaitu komunikasi jenis lisan (*verbal*) dan juga bukan lisan (*nonverbal*). Komunikasi secara lisan adalah seperti percakapan atau penulisan kepada seseorang. Kebanyakkan pengurus dapat berkomunikasi secara lisan dengan baik serta mampu untuk bercakap dan menulis dengan jelas tetapi kurang mempunyai kemahiran di dalam komunikasi bukan lisan seperti bahasa tubuh (*body language*) dan ekspresi muka (*facial expressions*).

Dengan itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan dengan tahap motivasi pelajar.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan.
- ii. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara bukan lisan.
- iii. Mengenal pasti perhubungan di antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan dengan tahap motivasi pelajar.

Skop Kajian

Kajian ini dibataskan kepada pelajar bagi program Diploma Teknologi Digital (DDT) sesi Jun 2020 dari Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Kajian ini dibataskan di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) bagi tujuan memudahkan penyelidik mendapatkan dan mengumpul data yang diperlukan dalam menjalankan kajian yang dirancang.

Segala proses penganalisisan data dan dapatan kajian adalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat terhadap kumpulan ini. Penyelidik menganggap segala data yang diperolehi adalah benar dan ikhlas daripada responden untuk menggambarkan keadaan sebenar dalam usaha untuk mencapai objektif kajian.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kepada Penyelidik

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan serta tahap motivasi pelajar dan perhubungan tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah terhadap tahap motivasi pelajar terhadap diri dan pelajaran.

Kepentingan kepada Pensyarah

Kajian ini juga diharap akan dapat memberi kesedaran kepada semua pensyarah di JTMK, PSMZA akan kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal lisan dan bukan lisan dan motivasi pelajar di dalam kelas yang merupakan antara agenda yang perlu ada ketika proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku. Oleh itu, semua para pensyarah perlulah memastikan kemahiran komunikasi interpersonal lisan dan bukan lisan dapat dikuasai dengan baik oleh mereka bagi meningkatkan tahap motivasi pelajar supaya mereka dapat memberikan tumpuan dan berminat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan.


Kepentingan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan

Berdasarkan data-data yang dianalisis daripada kajian yang dijalankan, perhubungan di antara tahap kemahiran komunikasi interpersonal lisan dan bukan lisan para pensyarah JTMK dan tahap motivasi pelajar dapat diketahui. Justeru itu, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak pengurusan jabatan untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam meningkatkan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal lisan dan bukan lisan pensyarah JTMK serta tahap motivasi pelajar dan seterusnya membantu pelajar untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang.

Kepentingan kepada Pelajar

Kajian ini juga memberi impak kepada pelajar dalam menilai diri mereka sendiri. Pelajar dapat menilai tahap motivasi mereka sekaligus membolehkan pelajar mengambil inisiatif yang perlu bagi meningkatkan tahap motivasi mereka seterusnya membantu pelajar untuk saling berdaya saing dan memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang.

Reka Bentuk Kajian



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian (Umar, 2006)

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang mana menghubungkan di antara pernyataan hasil, proses dan hasil pembelajaran yang mana boleh dicapai melalui proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Daripada kerangka konsep ini, jelas menunjukkan tahap penguasaan kemahiran pelajar amat bergantung kepada proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di antara pelajar dan pensyarah.

Sampel Kajian

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada persampelan rawak. Menurut Ghafar (1999) persampelan rawak adalah merupakan proses mengambil sampel daripada populasi yang dikaji di mana setiap individu dalam populasi tersebut mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Persampelan rawak jenis rawak mudah telah digunakan dalam kajian ini. Setiap sampel dipilih adalah berdasarkan kepada Program pengajian. Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada pelajar sesi Jun 2020 bagi Program Diploma Teknologi Digital (DDT) di JTMK, (PSMZA). Responden diambil secara rawak seramai 20 orang bagi setiap semester di JTMK, PSMZA.

Instrumen Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kaedah kuantitatif melalui proses pengumpulan data soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada 100 pelajar sesi Jun 2020 bagi Program DDT di JTMK, PSMZA. Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan untuk mendapat kesahan dan kebolehpercayaan bagi setiap item dalam soal selidik. Borang

soal selidik diedarkan kepada 15 orang pelajar JTMK, PSMZA. Nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi daripada kajian rintis ini ialah 0.91. Razali (2002) menyatakan soal selidik merupakan kaedah paling mudah untuk memperoleh maklumat. Selain itu, soal selidik selalu digunakan untuk mengukur sikap seseorang samada melalui soalan respon tetap, bebas (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Dalam kajian ini, soal selidik berskala lima mata dipilih dengan responden kajian perlu memilih jawapan paling sesuai dengan pilihan diri. Jadual 1 menunjukkan skala lima mata yang digunakan.

Jadual 1: Skala Likert

Peringkat	Singkatan	Skor
Sangat tidak setuju	STS	1
Tidak setuju	TS	2
Tidak pasti	TP	3
Setuju	S	4
Sangat Setuju	SS	5

Soal Selidik

Penyelidik telah menyediakan borang soal selidik untuk mengenalpasti Hubungan Kemahiran Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar sesi Jun 2020, JTMK, PSMZA. Borang soal selidik kajian mengandungi empat konstruk iaitu bahagian A untuk demografi, bahagian B untuk mengenalpasti Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan, bahagian C untuk mengenalpasti Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Lisan dan bahagian D untuk mengenalpasti Tahap Motivasi Pelajar terhadap diri dan pelajaran. Konstruk bahagian B, C dan D mengandungi 30 instrumen. Hasil yang diperolehi direkodkan dalam bentuk jadual untuk dianalisa.

Dapatkan Kajian

Data yang diperolehi melalui soalselidik dari responden dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Dapatkan kajian bagi bahagian A iaitu faktor demografi dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan manakala soalan bagi bahagian B, C dan D dinyatakan dalam bentuk nilai min.

Jadual 2: Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	43	43
Perempuan	57	57
Jumlah	100	100

Jadual 2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Daripada analisa yang telah dibuat, seramai 43 orang bersamaan dengan 43% adalah daripada pelajar lelaki manakala seramai 57 orang responden bersamaan dengan 57% adalah daripada pelajar perempuan.

Jadual 3: Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	91	91
Cina	2	2
India	7	7
Jumlah	100	100

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan mengikut bangsa. Daripada analisa yang telah dibuat, seramai 91 orang bersamaan dengan 91% adalah daripada pelajar berbangsa Melayu, 2 orang bersamaan dengan 2% adalah daripada bangsa Cina dan 7 orang bersamaan dengan 7% adalah daripada bangsa India.

Jadual 4: Analisis Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan

Item	Penyataan Item	Min
1	Pensyarah memandang kepada pelajar ketika mengajar.	3.41
2	Pensyarah mempunyai gerak badan yang tenang ketika bercakap.	3.16
3	Pensyarah menggunakan pelbagai intonasi suara ketika bercakap di dalam bilik kuliah.	3.14
4	Pensyarah menggunakan pergerakan tangan ketika bercakap di dalam kelas.	3.26
5	Pensyarah memberikan ekspresi muka yang pelbagai semasa bercakap dengan pelajar.	3.12
6	Pensyarah menepuk bahu atau menyentuh tangan pelajar yang sama jantina sambil bercakap dengan mereka.	2.82
7	Pensyarah tidak bersandar berhampiran dengan pelajar semasa bercakap dengan mereka.	3.31
8	Pensyarah tidak duduk di atas meja atau kerusi ketika mengajar.	3.32
9	Pensyarah tidak menggunakan nada suara yang mendatar sepanjang mengajar di kelas.	3.17
10	Pensyarah tidak berdiri setempat sahaja ketika mengajar di dalam kelas.	3.25
Jumlah Purata Min		3.20

Jadual 4 menunjukkan nilai min bagi Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan. Daripada dapatan kajian, purata keseluruhan nilai min bagi Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan adalah berada pada tahap sederhana iaitu dengan jumlah purata min sebanyak 3.20. Nilai min Kemahiran Interpersonal secara bukan lisan yang paling tinggi adalah “Pensyarah memandang kepada pelajar ketika mengajar” iaitu sebanyak 3.41, manakala yang paling rendah adalah “Pensyarah menepuk bahu atau menyentuh tangan pelajar yang sama jantina sambil bercakap dengan mereka” dengan nilai min 2.82. Skor min yang sederhana dicatatkan menunjukkan bahawa rata-rata pensyarah JTMK, PSMZA belum menguasai dengan baik aspek kemahiran komunikasi bukan lisan terutama dari segi kaedah untuk mengeratkan hubungan antara pensyarah dengan pelajar dimana pensyarah kurang mengamalkan kaedah sentuhan dengan pelajar sama jantina untuk menunjukkan keprihatinan pensyarah.

Jadual 5: Analisis Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Lisan

Item	Penyataan Item	Min
11	Pensyarah mengajukan pertanyaan atau menggalakkan pelajar untuk bercakap.	4.18
12	Pensyarah menggunakan contoh peribadi atau pengalaman yang diperolehinya ketika mengajar.	3.99
13	Pensyarah menyertai perbincangan bersama pelajar sebelum atau selepas kelas.	4.14
14	Pensyarah menggunakan jenaka ketika mengajar di dalam kelas.	3.89
15	Pensyarah bertanyakan kepada pelajar mengenai tugas, tarikh hantar atau topik perbincangan.	4.31
16	Pensyarah memberi pujian terhadap kerja, tindakan atau pendapat pelajar.	3.88
17	Pensyarah memulakan perbualan umum dengan pelajar sebelum atau selepas kelas.	4.13
18	Pensyarah mengajak pelajar untuk berjumpa di luar waktu kelas sekiranya mempunyai pertanyaan atau ingin berbincang mengenai perkara lain.	3.96
19	Pensyarah sentiasa memberi dorongan dan galakan motivasi kepada pelajar di kelas.	4.06
20	Pensyarah mampu menjawab soalan pelajar dengan baik sama ada berkaitan dengan kursus ataupun tidak.	4.24
Jumlah Purata Min		4.08

Jadual 5 menunjukkan nilai min bagi Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Lisan. Daripada dapatan kajian, purata keseluruhan nilai min bagi Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Lisan adalah berada pada tahap tinggi iaitu dengan jumlah purata min sebanyak 4.08. Nilai min Kemahiran Interpersonal secara lisan yang paling tinggi adalah “Pensyarah bertanyakan kepada pelajar mengenai tugas, tarikh hantar atau topik perbincangan” iaitu sebanyak 4.31, manakala yang paling rendah adalah “Pensyarah memberi pujian terhadap kerja, tindakan atau pendapat pelajar” dengan nilai min 3.88. Skor min yang tinggi dicatatkan menunjukkan bahawa rata-rata pensyarah JTMK, PSMZA telah menguasai dengan baik aspek kemahiran komunikasi lisan. Walaubagaimanapun, masih ada penambahbaikan yang boleh dibuat seperti kerap memberi pujian terhadap hasil kerja yang baik bagi meningkatkan lagi tahap keyakinan pelajar terhadap pelajaran.

Jadual 6: Analisis Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Diri Dan Pelajaran.

Item	Penyataan Item	Min
21	Pensyarah mengajukan pertanyaan atau menggalakkan pelajar untuk bercakap.	3.10
22	Pensyarah menggunakan contoh peribadi atau pengalaman yang diperolehinya ketika mengajar.	3.19
23	Pensyarah menyertai perbincangan bersama pelajar sebelum atau selepas kelas.	2.76
24	Pensyarah menggunakan jenaka ketika mengajar di dalam kelas.	3.35
25	Pensyarah bertanyakan kepada pelajar mengenai tugas, tarikh hantar atau topik perbincangan.	3.09
26	Pensyarah memberi pujian terhadap kerja, tindakan atau pendapat pelajar.	3.19
27	Pensyarah memulakan perbualan umum dengan pelajar sebelum atau selepas kelas.	2.79
28	Pensyarah mengajak pelajar untuk berjumpa di luar waktu kelas sekiranya mempunyai pertanyaan atau ingin berbincang mengenai perkara lain.	3.10

-
- | | | |
|----|---|------|
| 29 | Pensyarah sentiasa memberi dorongan dan galakan motivasi kepada pelajar di kelas. | 3.12 |
| 30 | Pensyarah mampu menjawab soalan pelajar dengan baik sama ada berkaitan dengan kursus ataupun tidak. | 3.14 |
-

Jumlah Purata Min 3.08

Jadual 6 menunjukkan nilai min bagi Tahap Motivasi Pelajar terhadap diri dan pelajaran. Daripada dapatan kajian, purata keseluruhan nilai min bagi Tahap Motivasi Pelajar terhadap diri dan pelajaran adalah berada pada tahap sederhana iaitu dengan jumlah purata min sebanyak 3.08. Nilai min Tahap Motivasi Pelajar terhadap diri dan pelajaran yang paling tinggi adalah “Saya rasa seronok apabila dapat menjawab soalan dengan betul di dalam kelas” iaitu sebanyak 3.35 manakala yang paling rendah adalah “Saya menyediakan jadual waktu untuk mengulangkaji pelajaran” dengan nilai min 2.76. Skor min yang sederhana dicatatkan menunjukkan bahawa rata-rata pelajar JTMK, PSMZA mempunyai tahap motivasi yang kurang memuaskan terutama dari segi kesedaran untuk menyediakan jadual waktu pembelajaran bagi membolehkan mereka menguruskan masa belajar mereka dengan lebih teratur dan tersusun.

Perbincangan

Daripada analisa yang telah dibuat, walaupun nilai purata min bagi Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Lisan tinggi tapi nilai purata min bagi Tahap Motivasi Pelajar terhadap diri dan pelajaran masih berada di tahap sederhana dimana bersamaan dengan nilai purata min bagi Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan yang juga berada di tahap yang sederhana. Oleh itu, boleh dikatakan tahap Motivasi Pelajar terhadap diri dan pelajaran lebih berkait rapat dengan tahap Kemahiran Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan. Pendapat ini selaras dengan Safiee, et al. (2008) yang menyatakan, komunikasi bukan lisan biasanya lebih kerap daripada komunikasi lisan. Ini kerana walaupun kita berhenti bercakap tapi kita tidak berhenti memberi signal secara bukan lisan seperti penampilan fizikal, pergerakan dan hubungan mata masih bergerak. Begitu juga dalam proses pengajaran dan pembelajaran, setiap tingkahlaku guru dan murid juga adalah bentuk komunikasi yang tidak nampak. Jadi kemahiran komunikasi bukan lisan lebih banyak mempengaruhi tahap motivasi pelajar. Sedangkan motivasi pelajar amat menyumbang kepada penguasaan pelajar terhadap pelajaran. Ini bertepatan dengan pendapat Abdullah (2015), yang menyatakan ketinggian tahap motivasi pelajar merupakan satu penyebab besar kepada kemajuan pencapaian pelajar. Semakin baik motivasi pelajar maka semakin meningkatlah pencapaian pelajar dalam pelajaran.

Berdasarkan kepada hasil daripada analisa yang telah dibuat, penyelidik mencadangkan beberapa tindakan yang boleh dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah ini. Antaranya adalah:

- i. Pensyarah perlu menguasai kemahiran komunikasi interpersonal bukan lisan dan memberi penekanan serta menitikberatkan dari segi aspek kemahiran Interpersonal bukan lisan semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersama pelajar.
- ii. Pensyarah boleh menggalakkan pelajar menyediakan jadual waktu pembelajaran bagi membolehkan mereka menguruskan masa belajar mereka dengan lebih teratur dan tersusun.
- iii. Pihak Pengurusan Jabatan boleh mengadakan kursus yang boleh membantu para pensyarah meningkatkan Kemahiran Interpersonal bukan lisan untuk diterapkan di dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

- iv. Pihak Pengurusan Jabatan perlu memperbanyakkan program yang boleh meningkatkan tahap motivasi pelajar terhadap pelajaran dan diri sendiri.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisa dan perbincangan yang telah dibuat, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa kebanyakkan pensyarah JTMK, PSMZA telah menguasai tahap kemahiran komunikasi interpersonal secara lisan dengan baik. Walaubagaimanapun, tahap kemahiran komunikasi interpersonal secara bukan lisan pensyarah dan tahap motivasi pelajar terhadap diri dan pelajaran masih berada di tahap sederhana.

Menurut Ahmid (2018), pengajaran guru yang berkesan berupaya menentukan tahap kepercayaan motivasi seseorang pelajar sama ada semakin meningkat atau sebaliknya. Ia bergantung kepada cara guru menyampaikan pengajarannya. Selain daripada keputusan peperiksaan pelajar, pengajaran guru yang berkesan juga boleh diukur dengan kaedah penilaian daripada pelajar. Abdullah (2016) menyatakan, meskipun sistem penilaian pelajar terhadap pensyarah sering dikritik, namun terdapat kajian lepas yang menyatakan bahawa penilaian ini adalah salah satu penunjuk yang sah bagi mengukur keberkesanan pengajaran pensyarah. Menurutnya Hanin (2012), terdapat tiga kepentingan utama penilaian pelajar terhadap prestasi pengajaran pensyarah. Pertama, adalah untuk menambahbaik kualiti pengajaran. Kedua, adalah untuk menilai prestasi pensyarah bagi tujuan kenaikan pangkat dan ganjaran. Ketiga, untuk menjadi bukti akauntabiliti universiti dalam menawarkan Pendidikan yang berkualiti kepada masyarakat.

Dengan itu, hasil kajian yang telah dibuat dikalangan pelajar ini perlu diambil tindakan yang sewajarkan oleh pihak terlibat terutama para pensyarah dan pihak pengurusan tertinggi jabatan agar prestasi pelajar dapat ditingkatkan terutama dari segi kekuatan motivasi mereka agar dapat melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berkualiti tinggi dari segala aspek.

Rujukan

- A. Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*: ISSN 2289 6325 Bil. 10, pp. 114-117.
- Janasz, C. S, Dowd, O. K, and Schneider, Z. B. (2002). *Interpersonal Skills in Organizations*. Burr Ridge, IL: McGraw-Hill
- Lily Hanefarezan Asbullah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin, Musab Sahrim. (2018). *The Level of Holistic, Intrinsic, and Entrinsic Motivation Towards Arabic Language Vocabulary Among Graduate Students in Public Universities*. *Asia Pasific Journal of Educators and Educations*. Vol. 33, pp. 75-93.
- Maimunah Osman. (2000). Komunikasi Berkesan: Hubungan Interpersonal. Kuala Lumpur: INTAN. 111ms.
- Maizatulakma Abdullah, Ainol Basirah Abdul Wahab, Noorsakinah Abdul Wahab, Muhammad Azim Ismail. (2016). Faktor yang Mempengaruhi Penilaian Pelajar terhadap Prestasi Pengajaran Pensyarah. *Jurnal Personalia Pelajar*. pp. 1- 9.
- Maizatul Haizan Mahbob, Nik Anis Syakira Megat Ali, Wan Idros Wan Sulaiman, Wan Amizah Wan Mahmud. (2019). Komunikasi Strategik dan Peranannya Untuk Mewujudkan Komunikasi Berkesan dalam Organisasi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Jilid 35 (2). pp. 49-67.

- M. Haafiz Ahmid, M. Khairuddin Abdullah, Khalid Johari. (2018). Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH). Volume 3. Issue 3. pp 136 – 147.
- M. Najib Abdul Gafar. (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- M. Safiee Hj. Idrisa, Hj. Ashari Sikorb, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafac, Ahmad Rizal Madard dan Latifah Md. Ariffine. (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008. UTM Nadya Zsalsabilla Rahmania, Indra N. A Pamungkas. (2018). Komunikasi Interpersonal Komunitas Online. Jurnal Manajemen Komunikasi. Volume 3. No 1. pp 51 – 66.
- Radin Umar. (2006). Modul Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. UPM
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak. (2017). Kajian Isu-Isu Sosio-Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat di Malaysia. E-Journal Penyelidikan dan Inovasi. E-ISBN 2289-7909. Vol 4. No 1. pp 13 – 29.
- Ros Jay. (1999). *The Seven Deadly Skills of Communicating*. United Kingdom. International Thomson Publishing Company. ISBN 981-4040-44-4, pp 159.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. (2012). Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam. UKM
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). Analisis Data Dalam Penyelidikan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.